

## BENGKEL PENGURUSAN PUSAT SUMBER

TARIKH : 14 OKTOBER 2019

TEMPAT : PERPUSTAKAAN IPGKTAR



Unit Perpustakaan IPGKTAR telah berjaya melaksanakan Bengkel Pengurusan Pusat Sumber pada 14 Oktober 2019 ( Isnin ) jam 9.30 pagi – 11.45 pagi bertempat di perpustakaan. Bengkel tersebut telah disertai oleh 29 orang pelajar Program Pra Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) Semester 1 yang juga merupakan ahli Kelab Rakan Pustaka. Objektif dan matlamat pengajuran bengkel tersebut adalah seperti berikut :

1. Memberi pendedahan asas tentang pengurusan sumber maklumat yang terdapat di pusat sumber/perpustakaan

2. Menyebarluaskan ilmu asas dan latihan bidang kepustakawanan kepada pelajar sebagai persediaan menjadi guru pada masa akan datang
3. Memberi pengetahuan dan pengalaman baharu kepada pelajar tentang pengurusan pusat sumber/perpustakaan khususnya kaedah-kaedah mengurusan sumber maklumat

Bengkel tersebut yang dirasmikan oleh Pn. Latipah Bt Mohamad (Ketua Pusat Sumber) dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi ceramah yang disampaikan oleh Pn. Shamsiah Bt Muhammad (Pustakawan) dan sesi latihan dikendalikan oleh Pn. Dyg. Sinarwaty Hidayat Bt Abg. Abu Bakar (Pen. Pustakawan) serta dibantu oleh kakitangan perpustakaan lain iaitu En. Morsidi Bin Shamsudin, Pn. Joyce Paya Apoi dan En. Mazwadi Bin Abd Kadir.

Melalui temuramah dan pemerhatian, rata-rata pelajar sangat gembira dan teruja menjadi peserta bengkel lebih-lebih lagi terpilih menjadi ahli Kelab Rakan Pustaka IPGKTAR. Menurut Muhammad Nor Faizmie Bin Rasman, Pengurus Kelab Rakan Pustaka, bengkel ini amat berfaedah dan memberi manfaat kepada semua peserta sebagai persediaan awal menghadapi alam pekerjaan kelak. Menurut beliau lagi, ilmu pengetahuan dan latihan pengurusan pusat sumber/perpustakaan amat berguna sebagai seorang pendidik kerana mereka perlu bersiap sedia sekiranya dilantik sebagai Guru Penyelaras Pusat Sumber apabila bertugas sebagai guru di sekolah pada masa akan datang.

Harapan pihak perpustakaan agar ilmu yang dikongsi dapat memberi manfaat yang berterusan kepada semua peserta. Aktiviti/program yang melibatkan semua pelajar khususnya ahli Kelab Rakan Pustaka akan terus dirancang dan dilaksanakan pada masa akan datang.

Disediakan oleh :

**SHAMSIAH BT MUHAMMAD  
PUSTAKAWAN  
IPG KAMPUS TUN ABDUL RAZAK  
KOTA SAMARAHAN, SARAWAK.  
Tarikh : 15 Oktober 2019**